

02 NOV 1997

G15-Abdullah

KEKERAPAN DAN TARIKH MESYUARAT G15 AKAN DIKEMUKAKAN OLEH DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Malaysia akan mengemukakan beberapa perkara termasuk kekerapan dan tarikh mesyuarat G15 yang dianggap sesuai diadakan apabila pemimpin kumpulan negara-negara membangun itu memulakan mesyuarat di sini esok.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku pengerusi mesyuarat sudah dimaklumkan mengenai perkara-perkara yang dianggap hangat dibincangkan oleh menteri-menteri luar G15 di sini semalam.

"Bagi Malaysia kita tidak ada masalah mesyuarat itu diadakan setiap tahun kerana perdana menteri kita tidak pernah tidak hadir mesyuarat itu. Kalau boleh diadakan satu tahun sekali itu adalah baik bagi kita tapi kita juga ingin dengar pandangan pemimpin-pemimpin lain," katanya.

Dr Mahathir akan membangkitkan perkara itu, katanya kepada pemberita setelah memberi taklimat kepada Dr Mahathir mengenai mesyuarat menteri-menteri luar G15.

Abdullah juga berkata isu lain yang dibawa ke pengetahuan Dr Mahathir ialah kemungkinan menetapkan tarikh yang lebih sesuai diadakan mesyuarat.

Katanya sidang kemuncak sekarang yang diadakan pada suku terakhir tahun tidak sesuai kerana pemimpin di Amerika Selatan sentiasa sibuk dengan mesyuarat pada masa itu seperti mesyuarat Ibero-Amerika yang mereka terlibat secara aktif.

"Kita juga lihat bahawa semasa suku terakhir tahun, terdapat banyak pilihan raya di Amerika Selatan dan Afrika, mungkin kita boleh mempercepatkan tarikh tetapi terpulang kepada para pemimpin berkenaan untuk memutuskannya," katanya.

Abdullah berkata langkah mengadakan sidang kemuncak pada bulan Disember mungkin tidak wajar kerana terdapat banyak sidang kemuncak semasa itu dan mungkin lebih elok untuk mengadakannya lebih cepat lagi.

"Kita berharap lebih ramai pemimpin akan datang tetapi agak sukar bagi mereka dari negara seperti Jamaica yang kini mengadakan pilihan raya umum," katanya.

G15 terdiri daripada Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Mesir, India, Indonesia, Jamaica, Malaysia, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela dan Zimbabwe. Kenya akan menyertai perkumpulan itu semasa persidangan itu. --
BERNAMA

ARA AKD